

SEBAGAI bangsa berdaulat di bumi bertuah yang merdeka ini, angka 65 pada tahun ini sepatutnya menunjukkan negara ini sudah melalui zaman kemuncaknya meniti kegemilangan dalam pelbagai bidang, terutamanya perkembangan dan kemajuan bahasa Melayu. Namun demikian, hal yang sebaliknya berlaku.

Bahasa Melayu pada hari ini kelihatan tidak bebas dan berkuasa untuk menjalankan fungsinya sebagai bahasa rasmi, bahasa kebangsaan, bahasa pengantar dalam sistem pendidikan, bahasa perpaduan, bahasa ilmu, bahasa sains dan teknologi, bahasa dalam media sosial dan banyak lagi.

Masalah yang timbul ini menggambarkan rakyat Malaysia menghadapi krisis keyakinan bahawa bahasa Melayu tidak mampu untuk menjadi bahasa yang hebat. Mereka lebih mempercayai bahawa bahasa Inggeris yang mampu memperkatakan apa-apa sahaja atau

menjadi bahasa dunia. Persoalannya ialah adakah rakyat Malaysia mempunyai jati diri? Selain itu, adakah mereka memiliki semangat patriotik yang tinggi?

Dalam hal ini, rakyat Malaysia perlu menyedari bahawa kedudukan bahasa Melayu amat penting selepas negara kita mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Malaysia memperuntukkan bahawa bahasa kebangsaan di Malaysia ialah bahasa Melayu. Dengan kata lain, bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi kita. Rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum ini wajib menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam urusan rasmi.

Namun demikian, bahasa Melayu semakin dipinggirkan. Jika dalam suasana rasmi bahasa Melayu tidak diutamakan, bagaimanakah rakyat yang pelbagai kaum mahu memartabatkan bahasa Melayu? Hal ini menyebabkan timbulnya beberapa persoalan. Setelah 65

tahun negara kita dibebaskan daripada cengkaman British, adakah bahasa kita sudah merdeka? Jika kita meneliti beberapa hal yang berlaku, sebenarnya kedudukan bahasa kita pada hari ini masih belum mencapai kemerdekaan yang sebenar seperti "ingin dibuah manggis hutan, masak ranum tergantung tinggi". Mengapakah bahasa Melayu yang agung dan mempunyai sejarah kegemilangan pada kurun ke-14 menghadapi pelbagai halangan di bumi sendiri?

Perlembagaan Malaysia merupakan undang-undang tertinggi negara. Dalam perlembagaan ini, undang-undang yang termaktub dalam Perkara 152 ini tidak boleh dipadamkan atau dibuang. Hal ini bermaksud bahawa rakyat Malaysia perlu menghormati kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan negara. Bahasa Melayu bukan bahasa khusus untuk kaum Melayu, malahan bahasa ini untuk kita semua yang hidup dalam negara yang berjalur 14 ini.

Bahasa Melayu dan Patriotisme




Namun demikian, rakyat daripada kaum lain mempunyai kebebasan atau tidak dihalang untuk menggunakan bahasa ibunda masing-masing dalam urusan tidak rasmi. Selain berbahasa Melayu, mereka bebas menggunakan dan mempelajari apa-apa jenis bahasa. Oleh sebab kedudukan bahasa Melayu sudah jelas dalam perlembagaan, rakyat perlu menghormati bahasa Melayu dengan mengutamakan penggunaan bahasa yang betul dan bukannya digunakan secara cacamarba.

Sebagai undang-undang yang tertinggi, rakyat Malaysia yang tidak menggunakan bahasa Melayu dengan betul dalam situasi rasmi perlu diambil tindakan. Pada hari ini, banyak rakyat Malaysia yang mempermainkan bahasa Melayu kerana kerajaan tidak menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan dengan penggunaan bahasa Melayu.

Dalam Akta Pendidikan 1996, kedudukan bahasa Melayu diperteguh apabila bahasa ini menjadi bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan. Bagi sekolah jenis kebangsaan yang ditubuhkan di bawah Seksyen 28 atau mana-mana institusi lain yang dikecualikan oleh Menteri Pendidikan pula, bahasa lain boleh digunakan sebagai bahasa pengantar dan bahasa Melayu dijadikan sebagai mata pelajaran wajib. Akta ini telah memantapkan sistem pendidikan kebangsaan agar sistem pendidikan negara kita bermutu tinggi dan bertaraf antarabangsa.

Dengan kata lain, bahasa kebangsaan memainkan peranan sebagai bahasa ilmu di institusi pendidikan yang dapat menjadi lambang jati diri masyarakat. Akta ini juga memberikan kelonggaran kepada institusi pendidikan swasta untuk menggunakan bahasa lain seperti bahasa Inggeris, bahasa Mandarin dan bahasa lain sebagai bahasa pengantar dengan mendapat kebenaran daripada Menteri Pendidikan. Keadaan ini membuktikan bahawa



Dengan kata lain, bahasa kebangsaan memainkan peranan sebagai bahasa ilmu di institusi pendidikan yang dapat menjadi lambang jati diri masyarakat.

kerajaan masih memberikan kebenaran kepada bahasa lain untuk digunakan dalam sistem pendidikan di negara kita.

Namun demikian, bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi tercabar apabila perdebatan antara wakil rakyat di Parlimen menggunakan bahasa Melayu yang tidak mencerminkan akal budi, bahasa yang bercampur aduk dan tunggang-langgang tatabahasanya. Sebagai pemimpin yang mewakili semua kawasan Parlimen di negara kita, mereka sepatutnya menjadi suri teladan dalam penggunaan bahasa kepada rakyat Malaysia. Semasa mereka berbahas di Parlimen, rakyat menyaksikan perdebatan mereka sama ada secara langsung ataupun rakaman di YouTube.

Apakah perasaan mereka apabila menuturkan bahasa yang sebegitu rupa? Tidakkah mereka mengetahui bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan yang tercatat dalam Perkara 152 Perlembagaan Malaysia? Persoalannya, mengapakah mereka tidak mengambil peluang untuk menggunakan bahasa yang indah, cantik dan betul tatabahasanya semasa berbahas? Adakah mereka lupa bahawa mereka juga bertanggungjawab untuk

memartabatkan bahasa Melayu di dewan yang mulia itu?

Dalam hal ini, kerajaan perlu menetapkan bahawa mereka yang ingin menjadi wakil rakyat perlu memiliki kelulusan yang baik bagi mata pelajaran bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia. Sebagai wakil rakyat, mereka sepatutnya memiliki patriotisme dengan menunjukkan semangat jiwa bangsa dalam diri mereka.

Pada seketika lalu, kedudukan bahasa Melayu tercabar apabila pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dilaksanakan dengan menggunakan bahasa Inggeris. Hal ini menjadi cabaran dan tekanan yang besar kepada para pendidik dan murid. Perkara yang paling besar ialah pelaksanaannya mencabar kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan.

Berkaitan dengan hal ini, kebanyakan para sarjana dan cendekiawan berpendapat bahawa “penyakitnya lain tetapi yang dirawat penyakit yang lain”. Maksudnya, kerajaan sepatutnya meningkatkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris, bukan menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar untuk mata pelajaran Sains dan Matematik.

Kita faham bahawa penguasaan bahasa Inggeris sangat penting kerana bahasa Inggeris merupakan bahasa antarabangsa atau bahasa dunia. Namun demikian, adakah cara ini dapat meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid? Selepas mendapat tentangan yang hebat, akhirnya pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) dimansuhkan. Namun demikian, akhir-akhir ini, terdapat cadangan penggunaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Sains dan Matematik akan menjadi bahasa pengantar untuk kedua-dua mata pelajaran tersebut, iaitu melalui sistem dwibahasa.

Persoalannya, adakah wajar bahasa Inggeris dibiarkan menjadi

bahasa pengantar kepada kedua-dua mata pelajaran tersebut? Pelaksanaan dwibahasa bukan sahaja akan melemahkan kedudukan bahasa Melayu, bahkan masyarakat yang wujud di negara ini nanti dibimbangkan akan berpecah kepada “kluster kayangan” dan “kluster marhaen”. Adakah hal ini perlu dibiarkan? Di manakah semangat jiwa bangsa yang selama ini terpahat kukuh dalam diri kita?

Penggunaan bahasa Melayu di media sosial pula sering menimbulkan persoalan dan kekeliruan dalam kalangan orang awam. Penggunaan bahasa yang dicampuradukkan dengan bahasa Inggeris atau bahasa lain sering kita baca dalam hantaran seseorang di media sosial. Penggunaan bahasa rojak secara leluasa dalam media ini telah mencemarkan martabat bahasa Melayu. Walaupun media sosial ini bukan situasi rasmi, pelayar media sosial sewajarnya menggunakan bahasa yang baik dalam keadaan santai dan mencerminkan budi bahasa seseorang.

Dalam keadaan ini, kita perlulah menyedari bahawa pembaca media sosial ini terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat seperti golongan murid, pelajar institusi pendidikan tinggi, pekerja swasta dan kakitangan kerajaan. Selain mereka mendapat maklumat tentang pelbagai ilmu di media sosial, mereka juga dapat menikmati penggunaan bahasa yang baik. Jika kita menggunakan bahasa yang cacamarba, keadaan ini akan mempengaruhi pemikiran golongan muda sehingga mereka beranggapan bahawa penggunaan bahasa dalam wahana tersebut betul. Mereka berpendapat bahawa penggunaan bahasa asing dalam pertuturan, khususnya bahasa Inggeris akan meningkatkan taraf seseorang. Sebagai rakyat yang patriotik, adakah tindakan ini wajar diteruskan?

Yang menjadi halangan penggunaan bahasa Melayu ialah minda kita. Yang menyatukan kita semua ialah bahasa kebangsaan.

Bagi rakyat bukan penutur jati bahasa Melayu, mereka haruslah membebaskan minda yang mengatakan bahawa bahasa Melayu tidak mampu menjadi bahasa antarabangsa. Kebanyakan kaum bukan Melayu beranggapan bahawa penggunaan bahasa Melayu amat terhad dan penting pada peringkat persekolahan sahaja. Dengan kata lain, mereka hanya menguasai bahasa Melayu semasa bersekolah demi peperiksaan. Pemikiran seperti ini haruslah dibebaskan kerana kita semua rakyat Malaysia.

Tanggungjawab kita sebagai rakyat patriotik ialah bahawa kita perlu menguasai bahasa kebangsaan kita. Bahasa kebangsaan bukan bahasa untuk kaum Melayu, tetapi bahasa identiti untuk semua warganegara Malaysia. Kita haruslah membudayakan penggunaan bahasa Melayu dalam kehidupan kita. Ucapan “terima kasih” perlu dibudayakan sekiranya kita menerima bantuan daripada orang lain berbanding dengan penggunaan bahasa asing, seperti *thank you*. Sememangnya ucapan ini tidak mendatangkan hasil yang ketara. Namun demikian, amalan ini merupakan langkah pertama untuk memupuk semangat cinta akan bahasa kebangsaan, khususnya mereka yang jarang-jarang bertutur dalam bahasa Melayu. Oleh hal yang demikian, marilah kita berbahasa Melayu.

Rakyat yang patriotik tidak sanggup melihat bahasanya tidak diambil kisah oleh kerajaan yang memerintah. Oleh hal yang demikian,

pihak kerajaan perlu memastikan bahasa Melayu sentiasa dihormati oleh rakyatnya. Jika perlu, kerajaan perlu menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan dengan bahasa Melayu agar bahasa ini terus dihormati atau dimartabatkan. Kepada ahli politik, belajarlah dan berusaha untuk menggunakan bahasa Melayu dengan betul di Parlimen. Mereka selalu mengatakan bahawa Parlimen sebagai dewan yang mulia. Oleh itu, gunakanlah bahasa Melayu yang baik di dewan yang mulia tersebut.

Bersempena dengan sambutan kemerdekaan ini, rakyat Malaysia pula perlu membebaskan diri daripada perasaan yang mengatakan bahawa bahasa Melayu itu tidak mampu menjadi bahasa ilmu, bahasa Melayu tidak mampu untuk menjadi bahasa ASEAN, bahasa Melayu itu tidak mampu untuk menjadi bahasa pengantar dalam sistem pendidikan atau bahasa Melayu tidak mampu menjadi bahasa dunia.

Sebagai rakyat yang bijak, kita mestilah membebaskan minda kita daripada pemikiran yang mengatakan bahawa bahasa Inggeris tersebut lebih baik daripada bahasa kita. Jika kita mengatakan bahawa bahasa Melayu tidak mampu berkembang pada masa ini, kita telah merendahkan martabat bahasa Melayu. Sampai bilakah kita hendak membebaskan diri kita daripada belunggu pemikiran penjajah? **PB**



Anak-anak daripada pelbagai kaum dapat disatukan menerusi satu bahasa.